

Tuduhan pindah wang 1MDB ke akaun Jho Low

Bekas pegawai bank dibicara pindah AS\$700j

Mahkamah Geneva mulakan prosiding kes gagal henti pemindahan wang

Geneva: Mahkamah di sini, semalam, memulakan prosiding pembicaraan pertama bagi mengetahui sama ada seorang pegawai bank tempatan gagal menghentikan pemindahan wang AS\$700 juta (RM3 bilion) ke dalam akaun dikawal ahli perniagaan dikehendaki, Low Taek Jho atau Jho Low. Pegawai pematuhan, yang hanya dikenali sebagai A, adalah kakitangan di Coutts & Co, di mana Jho Low, mempunyai akaun di bank berkenaan, menurut Bloomberg.

Menurut pertuduhan, A, 52, adalah pegawai yang ditugaskan untuk melaporkan pengubahan wang haram di Coutts.

Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang membawa kejatuhan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, selepas Jho Low membangunkan dana berjumlah AS\$8 bilion (RM35 bilion) bertujuan membangunkan ekonomi Malaysia.

Bagaimanapun, Jho Low didakwa mencuri wang itu dan membelanjakan untuk kereta sport dan pembelian hartanah mewah serta pembiayaan filem *Wolf of Wall Street*. Jho Low kemudian mewujudkan syarikat Good Star berdaftar di Seychelles, pada Mei 2009 dan membuka akaun di Coutts Singapura, sebulan kemudian.

Menjelang September tahun

sama, Jho Low memutuskan semua komunikasi dengan Coutts di Singapura dan hanya menerima kemas kini daripada Coutts di Switzerland menerusi e-mel chairman.goodstar@gmail.com.

Pihak pendakwaan Switzerland mendakwa A, kerana peranannya meluluskan pemindahan AS\$700 juta.

Menurut pertuduhan, pada 2 Oktober 2009, beliau menerusi e-mel meminta sekatan terhadap akaun 11116073 Good Star Ltd dibuka. Usaha wajar setakat ini adalah bagus dan kita mempunyai bukti yang cukup pembayaran adalah sah dan betul.

Pihak pendakwaan berkata disebabkan perkara itu dan pelbagai kegagalan pematuhan, 'kesalahan yang dilakukan A adalah sangat berat'. AGENSI